

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK – *i-Am Shield*

Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan *i-Am Shield*. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam sijil setelah permohonan anda diterima.

AmMetLife Takaful Berhad (AmMetLife Takaful) ialah pengendali takaful keluarga berdaftar dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

1. Apakah *i-Am Shield*?

i-Am Shield adalah pelan perlindungan takaful keluarga individu bertempoh. Ia menyediakan jumlah perlindungan sekiranya peserta mengalami salah satu daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi semasa tempoh perlindungan.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

- **Wakalah**

Pelan ini menggunakan konsep wakalah (agensi), di mana semua pemegang sijil melantik AmMetLife Takaful untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melaburkan dan menguruskan Dana Risiko Peserta-Peserta (DRP). AmMetLife Takaful berhak menerima fi wakalah untuk menguruskan dan melaburkan dana.

- **Tabarru'**

Pelan ini menggunakan konsep tabarru', di mana semua pemegang sijil bersetuju untuk menderma sebahagian daripada sumbangan dibayar yang telah ditentukan ke dalam DRP untuk tujuan bantuan bersama dan pertolongan kepada semua peserta ketika ditimpa musibah.

- **Qard**

Pinjaman tanpa faedah daripada AmMetLife Takaful sekiranya DRP berada dalam keadaan defisit. Pinjaman ini akan dibayar semula daripada lebihan yang terhasil daripada DRP pada masa hadapan.

3. Apakah perlindungan-perlindungan / manfaat-manfaat yang disediakan?

Manfaat-manfaat pelan akan dibayar secara sekaligus jika peserta mengalami salah satu daripada 36 penyakit kritikal seperti yang disenaraikan di bawah:

- **Senarai Penyakit Kritikal**

1. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	19. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah
2. Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian (AKH)	20. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
3. Tumor Otak Bening - keterukan tertentu	21. Hilang Keupayaan Bertutur
4. Buta - Kekal dan Tidak boleh Pulih	22. Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu
5. Pembedahan Otak	23. Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan AKH
6. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	24. Transplant Organ Utama / Sumsum Tulang
7. Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang	25. Penyakit Sistik Medular
8. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	26. Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
9. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	27. Sklerosis Mutlipel
10. Pekak - Kekal dan Tidak boleh pulih	28. Distrofi Otot
11. Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan AKH	29. Penyakit Arteri Koronari Serius
12. Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplant buah pinggang	30. Kelumpuhan Anggota
13. Kegagalan Hati Tahap Akhir	31. Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan AKH
14. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	32. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu
15. AIDS Dengan Gejala Penuh	33. Strok / Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan
16. Hepatitis Virus Fulminan	34. Pembedahan Aorta
17. Serangan Jantung - keterukan tertentu	35. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
18. Pembedahan Injap Jantung	36. Penyakit Terminal (Membawa Maut)

- Jumlah Perlindungan adalah berdasarkan pelan yang anda pilih
 - Tempoh sijil: sehingga mencapai umur 55 tahun.
- Nota:** Sila rujuk sijil untuk definisi penuh Penyakit Kritis.

4. Berapakah sumbangan yang perlu saya bayar?

- Jumlah sumbangan yang anda perlu bayar akan berbeza mengikut umur dicapai pada hari lahir berikutnya, jantina dan pelan yang anda pilih.
- Sumbangan tahunan berdasarkan pelan yang dipilih adalah seperti dibawah:

Pelan 1 : RM50,000 Jumlah Perlindungan

Umur Dicapai Hari Lahir Berikutnya	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
18	190	195
19	190	195
20	190	195
21	190	195
22	195	195
23	195	195
24	195	195
25	195	195
26	195	195
27	195	195
28	195	195
29	195	195
30	195	195

Umur Dicapai Hari Lahir Berikutnya	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
31	210	205
32	215	205
33	215	205
34	225	205
35	240	215
36	250	225
37	275	230
38	290	240
39	310	250
40	335	265
41	375	290
42	410	310
43	450	330

Umur Dicapai Hari Lahir Berikutnya	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
44	500	355
45	555	385
46	650	440
47	720	485
48	805	540
49	900	600
50	1,020	685
51*	1,135	765
52*	1,245	840
53*	1,375	930
54*	1,520	1,035

Pelan 2 : RM100,000 Jumlah Perlindungan

Umur Dicapai Hari Lahir Berikutnya	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
18	320	330
19	320	330
20	320	330
21	320	330
22	330	330
23	330	330
24	330	330
25	330	330
26	330	330
27	330	330
28	330	330
29	330	330
30	330	330

Umur Dicapai Hari Lahir Berikutnya	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
31	360	350
32	370	350
33	370	350
34	390	350
35	420	370
36	440	390
37	490	400
38	520	420
39	560	440
40	610	470
41	690	520
42	760	560
43	840	600

Umur Dicapai Hari Lahir Berikutnya	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
44	940	650
45	1,050	710
46	1,240	820
47	1,380	910
48	1,550	1,020
49	1,740	1,140
50	1,980	1,310
51*	2,210	1,470
52*	2,430	1,620
53*	2,690	1,800
54*	2,980	2,010

*Hanya terpakai untuk pelanggan sedia ada yang telah menyertai sebelum umur 50 tahun hari lahir berikutnya.

- Ini adalah pelan yang dijamin boleh diperbaharui sehingga umur tamat tempoh. Sumbangan itu akan meningkat mengikut umur dicapai pada hari lahir berikutnya pada ulang tahun sijil.
- Sumbangan adalah tidak dan boleh disemak semula dengan memberi anda notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan.
- Cara bayaran: Perbankan atas talian atau JomPay. Bayaran sumbangan tahunan hendaklah dibuat selepas permohonan anda diterima oleh kami. Pihak kami akan menghubungi anda untuk memaklumkan sama ada permohonan anda diterima atau ditolak.

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- **Fi Wakalah**

Wakalah Fi adalah kombinasi amaun tetap RM60, ditambah 40% daripada sumbangan selepas ditolak amaun tetap.

- **Tabarru'**

Amaun tabarru' adalah sumbangan setelah ditolak Fi Wakalah. Amaun tabarru' akan dimasukkan ke dalam DRP.

- **Komisyen**

Tiada komisyen akan dibayar di bawah sijil ini.

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang perlu saya ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur/ tarikh lahir anda dengan betul.

- **Tempoh Rujukan Percuma** - Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis secara bertulis kepada AmMetLife Takaful dalam masa 15 hari daripada tarikh sijil diterima oleh anda. Pada masa pembatalan, AmMetLife Takaful akan memulangkan amaun sumbangan yang telah dibayar kepada anda.

- **Tempoh Tangguh** - Anda mempunyai tiga puluh (30) hari dari tarikh tamat tempoh sumbangan untuk membayar setiap sumbangan yang perlu dibayar. Sekiranya sumbangan tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan ditamatkan.

- **Had ke atas Manfaat** – Jumlah manfaat penyakit kritikal yang akan dibayar kepada seorang peserta di bawah Sijil ini dan semua sijil individu dan berkelompok dengan AmMetLife Takaful adalah terhad kepada RM1,000,000.00.

- **Tempoh Menunggu untuk Manfaat Penyakit Kritikal** –

- Kelayakan untuk mendapat perlindungan penyakit kritikal (kecuali untuk serangan jantung, kanser, pembedahan pintasan arteri koronari & penyakit arteri koronari lain yang serius) hanya akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh Sijil berkuatkuasa.

- Kelayakan untuk mendapat perlindungan penyakit kritikal bagi serangan jantung, kanser, pembedahan pintasan arteri koronari & penyakit arteri koronari lain yang serius hanya akan bermula enam puluh (60) hari selepas tarikh Sijil berkuatkuasa.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

7. Apakah pengecualian-pengecualian yang utama?

Manfaat	Pengecualian-pengecualian
Penyakit Kritikal	<p>AmMetLife Takaful tidak akan membayar manfaat HUMK untuk mana-mana hilang upaya menyeluruh dan kekal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian oleh perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Penyakit spesifik yang wujud dalam tempoh menunggu; atau cubaan untuk membunuh diri atau mencederakan diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras; atau Penyakit yang disebabkan oleh AIDS, kompleksi berkaitan AIDS atau jangkitan oleh HIV; semasa berada di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau salah guna dadah selain daripada yang dipreskripsi oleh pegawai perubatan yang bertauliah; atau Sinaran radiasi atau pencemaran radioaktif yang muncul daripada bahan api, sisa, proses atau bahan senjata sama ada secara sukarela atau tidak; atau keadaan sedia ada.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada sijil untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Kami akan membayar balik sebahagian sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan dalam Tahun Sijil berdasarkan kiraan berikut:

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Sumbangan Tahunan
1 bulan*	85%
2 bulan	70%
3 bulan	55%
4 bulan	45%
5 bulan	35%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
12 bulan	0%

*Untuk penamatan dalam Tempoh Rujukan Percuma hendaklah merujuk kepada Klausa Tempoh Rujukan Percuma

9. Apakah yang perlu saya lakukan jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi saya?

Anda perlu memberitahu AmMetLife Takaful secara bertulis jika ada perubahan kepada butiran untuk menghubungi anda untuk memastikan semua surat menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di mana boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai takaful keluarga, sila rujuk kepada buku nota kecil [insuranceinfo](#) mengenai "Takaful Keluarga". Ianya boleh didapati di pejabat kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda ada sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

AmMetLife Takaful Berhad

Tingkat 23, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur

Pusat Khidmat Pelanggan

Tingkat 6, Menara 1 Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470, Kuala Lumpur
Tel: 1 300 22 9777 Fax: (603) 2272 3229
Emel: customercare@ammelifetakaful.com
Laman Sesawang: ammelifetakaful.com

SMS

Taip AMT<jarak>Pesanan
Hantar ke 33911

11. Perlindungan Takaful Keluarga lain yang serupa.

Sila hubungi kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh AmMetLife Takaful.

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMILIH JENIS SIJIL YANG BERSESUAIAN DENGAN ANDA. ANDA HARUSLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

1. Sila ambil perhatian bahawa dokumen ini hanya untuk rujukan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada sijil dan/atau nasihat profesional. Terma-terma dan syarat-syarat penuh pelan ini dinyatakan di dalam sijil.
2. Anda mestilah berpuashati bahawa pelan ini menepati keperluan anda dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah aman yang anda mampu bayar.
3. Untuk anggaran keperluan perlindungan, anda boleh menggunakan [Kalkulator Keperluan Kewangan](#).
4. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi AmMetLife Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Maklumat di dalam Helaian Pendedahan Produk ini sah pada dd/mm/yyyy.